

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (27)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2023

PEMAKAIAN PERATURAN MENGENAI KEMUDAHAN PERJALANAN UDARA RASMI

Pejabat Bendahari

29 Mac 2023

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (27)

29 Mac 2023

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8/2023

PEMAKAIAN PERATURAN MENGENAI KEMUDAHAN PERJALANAN UDARA RASMI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pemakaian Peraturan mengenai Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan mengenai kemudahan perjalanan udara rasmi melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 2.5.
- 2.2 Peraturan ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan tentang peraturan, kelayakan dan kaedah penggunaan, penempahan dan pembelian tiket serta pembayaran untuk semua perjalanan udara rasmi.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2023 pada 1 Mac 2023 telah meluluskan pemakaian Peraturan mengenai Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi.

3.0 PEMAKAIAN PERATURAN

- 3.1 Pemakaian Peraturan mengenai Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi melibatkan beberapa pindaan seperti berikut:

- (i) Kaedah pembelian tiket penerbangan iaitu:
 - a) Waran Penerbangan Udara Awam
 - b) Kad Kredit Korporat
 - c) Pesanan Kerajaan (LO)
 - d) Pembelian sendiri oleh pegawai

- (ii) Kelulusan oleh Bendahari bagi kos-kos lain yang boleh dituntut oleh pegawai apabila membuat pembelian tiket penerbangan secara dalam talian tanpa menggunakan Waran Penerbangan Udara Awam

- (iii) Kelulusan oleh Bendahari untuk tuntutan bayaran balik tiket penerbangan bagi kejadian “*no show passengers*”.

- (iv) Perkara-perkara yang lain mengenai peraturan ini adalah seperti yang termaktub dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Lampiran 1 Bab A Governan Manual Had Kuasa Pejabat Bendahari berkaitan Pengurusan Pembayaran dan PKPU, Bab F Pembayaran, Peraturan 3.4.

3.2 Peraturan mengenai Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu:

<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-f-pembayaran>

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.

4.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai 1 April 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Menjalankan Tugas Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/PKPU2023